

## **Notis Penting**

Peserta dinasihatkan supaya membaca Notis, Terma dan Syarat dengan teliti sebelum menyertai acara ini.

## **Peraturan**

1. Peserta disarankan untuk hadir 1 jam lebih awal ke tempat permulaan sebelum acara bermula.
2. Binatang peliharaan atau kenderaan beroda seperti kerusi roda (kecuali kerusi roda khas yang dibenarkan oleh penganjur), basikal, papan luncur, kereta tolak, kasut yang dilengkapi roda dan sebagainya adalah DILARANG dari menyertai larian ini.

## **Terma & Syarat**

1. Rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas boleh mendaftar dan menyertai acara Hari 100PLUS Aktifkan Malaysiaku 2019.
2. Ibu bapa dibenarkan untuk membawa anak-anak jagaan mereka yang berumur 18 tahun ke bawah di atas risiko mereka sendiri. Ibu bapa penjaga perlu mengambil seluruh tanggung jawab ke atas anak-anak jagaan mereka sebelum, semasa dan selepas acara Hari 100PLUS Aktifkan Malaysiaku.
3. Pendaftaran TIDAK dibukakan untuk kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah, maka mereka tidak akan diberikan kemeja-T, dan lain-lain. Penganjur juga tidak akan bertanggung jawab atas keselamatan dan kebajikan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah.
4. Acara Hari 100PLUS Aktifkan Malaysiaku 2019 akan dikendalikan mengikut peraturan acara larian. Had umur penyertaan akan diambil berdasarkan tarikh 31 Disember 2019.
5. Pihak penganjur berhak menutup penyertaan lebih awal dari tarikh akhir sebenar tanpa sebarang notis sekiranya kouta peserta telah penuh.
6. Setiap pek larian bakal mengandungi kemeja-T 100PLUS, nombor bib beserta pin keselamatan, Diskaun baucar Puma dan Produk Bio-essence dan baucar tunai.
7. TIADA tuntutan pek larian akan dilakukan pada hari acara berlangsung.
8. Semua pek larian yang tidak dituntut selepas waktu tuntutan, akan dikira sebagai tidak dimahukan dan pihak penganjur mempunyai hak untuk melupuskan atau membahagikan semula pek larian tersebut dengan cara sewajarnya.
9. Sila bawa slip pengesahan dan kad pengenalan anda sewaktu membuat tuntutan pek larian.
10. Peserta yang tidak dapat hadir untuk penebusan pek larian boleh menghantar wakil untuk pihak mereka. Sekiranya berbuat demikian, wakil tersebut perlu menunjukkan surat kebenaran bertandatangan dan membawa dokumen pengesahan yang sepatutnya.
11. Tiada tuntutan akan dilayan selepas tamat masa penebusan.
12. Biarpun pihak penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan keselamatan peserta, peserta digesa supaya membuat pemeriksaan kesihatan dan meminta nasihat dari pengamal kesihatan mereka sebelum mendaftar dan sebelum hari acara berlangsung.

13. Pihak penganjur mempunyai hak untuk menangguhkan permulaan larian cabaran jika berlaku hujan lebat, ribut petir atau keadaan cuaca yang tidak mengizinkan. Jika keadaan tersebut terus berlaku selepas penangguhan, pihak penganjur mempunyai hak untuk membatalkan perlumbaan. Jika cuaca hujan lebat, ribut petir atau berlaku keadaan bencana alam yang menyebabkan penangguhan atau pembatalan acara, pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab keatas sebarang tuntutan dalam semua bentuk yang dibuat oleh individu atau pihak yang terlibat.
14. Data individu peserta yang telah dikongsikan sewaktu pendaftaran adalah dibenarkan untuk penggunaan tujuan promosi pihak penganjur di masa hadapan.
15. Pihak penganjur mempunyai hak untuk menggunakan sebarang gambar (termasuk imej peserta), video, rakaman atau sebarang bentuk rakaman media yang diambil sebelum, semasa dan selepas acara berlangsung untuk tujuan yang sah, termasuklah untuk iklan komersial dan edaran kepada pihak penaja. Sebarang tuntutan pampasan tidak dibenarkan.
16. Segala keputusan oleh Pihak Penganjur adalah muktamad dan segala surat-menyurat tidak akan dilayani.

### **Pendaftaran**

Setiap individu yang layak perlu dan hanya boleh mendaftar satu kali melalui pendaftaran atas talian melalui mana-mana pautan ini: [www.ticket2u.com.my](http://www.ticket2u.com.my)

Usah tergesa-gesa balik selepas melengkap larian. Anda semua dijemput menyertai kami dalam persembahan artis di pentas utama. Jangan lupa adanya cabutan bertuah pada akhir acara, anda mungkin pemenang hadiah utama!